

Headline	Hasil produk makanan sendiri, elak beli tidak halal		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	15 Nov 2011	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	60,000
Page No	42	Readership	
Language	Malay	ArticleSize	185 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,018
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,054



Hasil produk makanan sendiri, elak beli tidak halal

SUNGAI LANG TENGAH – Masyarakat disaran menghasilkan produk makanan seperti sosej dan daging burger buatan sendiri bagi mengelak daripada membeli produk tidak halal.

Pengerusi Sukarelawan Jom Sihat Kampung Sungai Lang Tengah, Ruminah Abd Jalal berkata, kebanyakan masyarakat hari ini masih ragu dengan produk yang dijual sama ada mempunyai label halal sah atau sebaliknya.

Menurutnya, pelbagai jenama dan pengeluar menghasilkan produk berkenaan untuk menarik minat penggemar sosej dan daging burger terutamanya kanak-kanak, namun ibu bapa masih tidak tahu tahap kebersihan produk.

“Bagaimanapun, ibu bapa harus bijak mencari produk makanan bersih dan halal untuk keluarga bagi meningkatkan pemikiran anak.

“Jika tidak makanan yang dima-

kan tidak dapat memberi khasiat seterusnya mengakibatkan pelbagai penyakit pada masa depan,” katanya ketika ditemui pada Program Penghasilan Sosej dan Daging Burger sempena Pembelajaran Sepanjang Hayat anjuran Kolej Komuniti Kuala Langat dengan kerjasama Komuniti Klinik Kesihatan Telok Datok dan Sukarelawan Jom Sihat Sungai Lang Tengah di Balai Pembangunan Wanita Desa, Kampung Sungai Lang Tengah.

Ruminah menggalakkan suri rumah mempelajari pembuatan produk makanan sendiri supaya dapat mengekalkan tahap kebersihan dan kesihatan seisi keluarga.

Sementara itu, Penolong Pegawai Sains (Pemprosesan Makanan), Universiti Putra Malaysia (UPM), Razali Othman menyifatkan komuniti berkenaan mempunyai semangat kerjasama dalam menghasilkan sosej dan daging burger di sepanjang program.



Razali (empat, kanan) menunjukkan cara menghasilkan sosej pada Program Penghasilan Sosej dan Daging Burger berkenaan, semalam.